**»Jumlah jurulatih terjun dari China akan ditambah**

FOTO: OSMAN ADNAN, HASRIYASYAH SABUDIN & MOHD FADLI HAMZAH

HARIAN METRO





PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor meraikan kepulangan atlet negara selepas menyertai sukan Olimpik Rio 2016 di Kompleks Bunga Raya,semalam.

# PROSPEK PINGAT

## Badminton, terjun sandaran utama negara cemerlang di Tokyo

Azlan Muhammad Zain & Ferzalfie Fauzi
sukan@hmetro.com.my

**Sepang**

Badminton dan terjun dijangka terus menjadi sandaran utama kontinjen Malaysia meraih pingat di Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar *(gambar)* berkata, badminton akan menjadi sandaran terbesar di Tokyo, manakala terjun berpotensi tinggi meraih sekurang-kurangnya dua pingat berbanding Olimpik London dan Rio apabila hanya satu pingat diraih.

"Kita hanya perlu memantapkan mutu saingan dengan negara lain kerana bukan saja China, malah wakil Eropah serta negara Asia lain juga menunjukkan peningkatan dalam acara terjun.

"Saya sudah bercakap dengan ketua jurulatih, Yang Zhuliang kita akan melantik lebih ramai jurulatih dari China," katanya dalam sidang media semalam.

Jelasnya, jumlah penerjun pelapis juga akan ditambah dengan dua pusat latihan berbeza di Beijing dan Kuala Lumpur.

"Saya juga yakin Azizulhasni Awang akan terus aktif dalam acara keirin dan pecut menjelang Tokyo 2020 namun kita juga harus menambah bilangan pelapis yang mampu membantu menyumbang pingat.

"Memanah, menembak dan pelayaran harus dilihat semula untuk melakukan perancangan baru. Saya juga mahu melihat satu atau dua pingat diraih di Tokyo melalui acara lain. Kita mahu menjadi negara penyumbang pingat dari pelbagai jenis sukan.

"Tokyo 2020 juga akan membabitkan acara karate dan kita mempunyai atlet bertaraf dunia seperti Syakilla Salni Jefry Krisnan dan Lim Chee Wei," kata Khairy.

Ditanya mengenai pencapaian acara renang dan olahraga, beliau berkata Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) dalam dua acara berkenaan harus bermula dengan cemerlang di Sukan Asia.

"Setakat ini mereka tidak mendapat kejayaan di Olimpik tapi apa yang diharapkan acara olahraga dan renang akan menyerlah di Sukan Asia, bukan Sukan SEA kerana itu untuk atlet pelapis.

"Kita sekarang negara Olimpik, olahraga dan renang sepatutnya berada di podium Sukan Asia. Atlet seperti Nauraj Singh (lompat tinggi) harus mempunyai perancangan di Sukan Asia. Atlet seperti ini termasuk Irfan Shamsuddin (lempar cakera) dan Khairul Hafiz Jantan (100m) akan diletakkan sasaran di Sukan Asia," katanya.







**"Kami sudah dimaklumkan menteri akan ada pertambahan jurulatih selepas ini. Jadi ia sesuatu yang dinantikan"**
*Pandelela Rinong*

HARIAN METRO

# Bakat baru mampu cipta kejayaan



**Sepang:** Ratu terjun negara Pandelela Rinong *(gambar)* yakin skuad terjun negara semakin meningkat selepas kejayaan membawa pulang perak dari Olimpik Rio.

Ia perak pertama Pandelela selepas meraih gangsa dalam acara 10 meter platform individu di Olimpik London, empat tahun lalu.

"Kami sudah dimaklumkan menteri akan ada pertambahan jurulatih selepas ini. Jadi ia sesuatu yang dinantikan.

"Malah sudah ada bakat baru hadir di Rio seperti Nur Dhabitah Sabri dan Loh Zhiayi. Kami perlu bekerja keras untuk menghadapi Tokyo," kata penerjun dari Sarawak itu.

Pandelela yang berpasangan bersama Cheong Jun Hoong menghadiahkan perak untuk negara menerusi 10 meter platform seirama.

"Persiapan kami tidak sempurna. Kami banyak bertukar pasangan selain sedikit kecederaan selain aksi tidak konsisten.

"Kami gembira dapat meraih perak di sebalik semua kesukaran itu.

"Saya berharap kami tidak berdepan terlalu banyak masalah apabila melakukan persiapan ke Tokyo nanti," tambahnya.



ATLET negara dari kiri Amsyar, Hafifi Mansor, Ng Yan Yee dan Dhabitah diberi sambutan meriah di Kompleks Bunga Raya.



AHLI keluarga pemain badminton beregu negara, Tan Wee Kiong tidak ketinggalan menyambut kepulangan wira negara yang beraksi di Olimpik.









# Zhuliang tekad bantu terjun raih emas Tokyo

**Sepang:** Ketua jurulatih terjun negara Yang Zhuliang *(gambar)* menyuarakan keazaman untuk terus membantu negara memburu kejayaan di Olimpik Tokyo, empat tahun lagi.

Walaupun kontraknya berakhir tahun depan pengendali dari China itu mengesahkan akan bersama skuad negara.

"Kontrak disambung setiap dua tahun dan bakal berakhir selepas Sukan SEA tahun depan.

"Namun saya bersedia kekal dan mengendalikan skuad negara," katanya yang membantu skuad terjun meraih pingat perak di Rio selepas London, empat tahun lalu.



Bagaimanapun beliau tidak mampu menjanjikan emas kepada skuad negara kerana sedar dominasi China yang sukar dipecahkan.

"Kita perlu berusaha dengan lebih keras, tidak hanya boleh bercakap untuk meraih emas.

"Semua negara mahu menewaskan dan mengatasi China namun mereka sangat kuat. Bayangkan pada usia 14 atau 15 tahun, penerjun mereka sudah bergelar juara kebangsaan dan antarabangsa," jelasnya.

Bagaimanapun beliau menjelaskan Malaysia mempunyai masa depan cerah kerana mempunyai penerjun atlet.

"Kita seharusnya memenangi lebih daripada satu pingat di Rio namun berlaku kesilapan tidak diingini," katanya.

# Khairy harap YSD sambung tajaan

**Sepang:** Yayasan Sime Darby (YSD) diharapkan mampu meneruskan tajaan kepada skuad trek negara.

Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar menjelaskan penajaan berkenaan penting dalam menampung perbelanjaan atlet yang ditanggung Institut Sukan Negara (ISN) dan Majlis Sukan Negara (MSN).

"Seelok-eloknya penajaan diteruskan kerana Azizulhasni sudah menghadiahkan pingat gangsa.

"Ia bukan perkara mudah bagi dirinya sebagai wakil tunggal Asia bersaing di final. Saya bangga dengan apa yang dicapainya," jelasnya.

Kontrak penajaan Azizul dan Fatehah Mustapa dari YSD untuk Olimpik Rio berakhir bulan ini.

Bagaimanapun YSD difahamkan masih belum mengadakan perbincangan berhubung penajaan itu.

Malah ketua jurulatih negara John Beasley dijangka membentangkan perancangannya membabitkan masa depan skuad trek berbasikal negara, bulan depan.

**"Seelok-eloknya penajaan diteruskan kerana Azizulhasni sudah menghadiahkan pingat gangsa"**
*Khairy Jamaluddin Abu Bakar*